



Hari Tibi Sedunia

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA PERUTUSAN

Pada 24 Mac setiap tahun, Hari Tibi Sedunia disambut serentak di seluruh dunia dengan pelbagai tema dan mesej utama. Sejak tahun 2010, tema Sambutan Hari Tibi Sedunia ialah **“Bergerak Membanteras Tibi: Transformasi Perjuangan Ke Arah Eliminasi”**.

Penyakit batuk kering atau Tuberkulosis (Tibi) merupakan penyumbang kejadian penyakit berjangkit dan penyebab utama kematian di seluruh dunia terutamanya di rantau Asia dan Afrika. Kuman Tibi merebak melalui udara apabila pesakit Tibi batuk.

Pada tahun 2010, bilangan kes penyakit Tibi (semua jenis) yang berjaya dikesan di Malaysia adalah 19,337. Kadar notifikasi pada tahun 2010, adalah 66.9 bagi setiap 100,000 penduduk. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) telah mengklasifikasikan Malaysia sebagai negara beban penyakit sederhana.

Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru kepada setiap individu supaya peka terhadap tanda-tanda seperti batuk, demam, susut berat badan yang ketara dan berpeluh pada waktu malam. Mereka yang menghidap kencing manis, perokok dan mengambil alkohol secara berlebihan mempunyai risiko yang tinggi mendapat jangkitan penyakit ini.

Penyakit Tibi boleh membawa maut sekiranya pesakit tidak mendapat rawatan yang sempurna manakala rawatan sempurna boleh menyembuhkan pesakit Tibi. Rawatan sempurna juga dapat menjamin jangkitan tersebut tidak ditularkan kepada orang lain. Kerajaan Malaysia telah memberi komitmen yang tinggi dengan memastikan rawatan Tibi adalah percuma di kemudahan kesihatan awam.

Sokongan dan kerjasama bersepadu dari pelbagai pihak iaitu ahli keluarga, rakan sekerja, pengamal perubatan, pemimpin masyarakat dan masyarakat umum secara keseluruhannya adalah sangat penting di dalam usaha untuk mengawal dan mencegah penularan kuman Tibi di negara ini, sekaligus berupaya menjamin kesihatan rakyat tanpa Tibi.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan bahawa terdapat 9 juta kes baru jenis berjangkit di seluruh dunia setiap tahun dan sekurang-kurangnya 4,700 kes kematian akibat Tibi setiap hari. Adalah dianggarkan lebih 2 billion, atau 1/3 penduduk di dunia dijangkiti kuman Tibi. Dianggarkan 1/3 daripada pesakit Tibi tidak mendapat diagnosis dan rawatan yang sempurna. Di samping itu, jangkitan berganda Tibi dan HIV menyumbang kepada kes kematian yang tinggi. Oleh yang demikian Pertubuhan Kesihatan Sedunia menegaskan supaya semua pesakit Tibi harus menjalani pemeriksaan HIV dan perlu mendapat rawatan yang bersesuaian. Semua pesakit HIV juga perlu mendapatkan pemeriksaan saringan penyakit Tibi dan seterusnya mendapatkan rawatan pencegahan penyakit Tibi.

Justeru itu, disarankan individu yang mempunyai satu daripada tanda-tanda tersebut atau mempunyai risiko tinggi menghidap penyakit perlu mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan segera. Tindakan ini amat penting supaya rawatan awal dapat dimulakan dan perebakan jangkitan dapat dicegah. Setiap individu yang mendapatkan rawatan harus mematuhi arahan regim rawatan dalam jangkamasa sekurang-kurangnya 6-8 bulan. Adalah amat merbahaya sekiranya pesakit tidak mengambil ubatan seperti yang diarahkan kerana ini akan mengakibatkan kuman Tibi kebal terhadap ubat.